

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) merekodkan 2,140 anjing dimusnahkan di tiga negeri yang diwartakan sebagai Kawasan Jangkitan Penyakit Anjing Gila atau Rabies berdasarkan laporan terkini sehingga kelmarin.

Menerusi kenyataan JPV, jumlah haiwan yang dimusnahkan itu membabitkan 293 anjing di Perlis, 1,604 di Kedah dan 243 di Pulau Pinang.

"Pada masa sama, 2,286 anjing iaitu 465 di Perlis, Kedah (1,648) dan Pulau Pinang (173) divaksinkan sepanjang tempoh berkenaan.

"Bagi bilangan haiwan yang dilesenkan membabitkan 2,280 anjing iaitu 465 di Perlis, Kedah (1,648) dan Pulau Pinang (167)," katanya, semalam.

Kenyataan itu turut menyebut, 19 anjing di Perlis menunjukkan tanda-tanda klinikal terhadap penyakit berkenaan.

Katanya, 277 pemilik anjing di Perlis juga terbabit dengan surveilan yang dijalankan.

Selain itu, 160 sampel diambil terdiri daripada 65 di Perlis, 59 (Kedah) dan 36 (Pulau Pinang).

"Malah, 40 sampel positif dicatatkan dan ia membabitkan 20 di Perlis, 17 (Kedah) dan Pulau Pinang (3).

"Bagi kes gigitan, 59 kes direkodkan di mana 27 kes di Perlis, Kedah (12) dan Pulau Pinang (20)," katanya.

Mengenai bilangan premis yang dibanci dan disurveilanskan, JPV memaklumkan ia membabitkan 991 premis iaitu 885 di Perlis dan 106 di Kedah.

JPV rekod 2,140 anjing dimusnahkan

LAPORAN KEJADIAN WABAK PENYAKIT RABIES (ANJING GILA)

Bilangan anjing sudah dimusnahkan: 2,140

Perlis: 293 | Kedah: 1,604 | Pulau Pinang: 243

Bilangan anjing divaksinkan: 2,286

Perlis: 465 | Kedah: 1,648 | Pulau Pinang: 173

Bilangan anjing yang dilesenkan: 2,280

Perlis: 465 | Kedah: 1,648 | Pulau Pinang: 167

Bilangan anjing yang menunjukkan tanda klinikal: 19 anjing di Perlis

Bilangan pemilik anjing | 277 di Perlis

Bilangan sampel diambil: 160

Perlis: 65 | Kedah: 59 | Pulau Pinang: 243

Bilangan sampel positif: 40

Perlis: 20 | Kedah: 17 | Pulau Pinang: 3

Bilangan kes gigitan: 59

Perlis: 27 | Kedah: 12 | Pulau Pinang: 20

Bilangan premis yang dibanci dan disurveilanskan: 991

Perlis: 885 | Kedah: 106 | Pulau Pinang: 20

Bilangan kempen kesedaran yang dijalankan

Perlis: 13,116 | Kedah: 570 | Pulau Pinang: 62